

08/05/2001

Tuanku Syed Sirajuddin ditabal Raja Perlis ketujuh

ARAU, Isnin - Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail hari ini ditabalkan sebagai Raja Perlis Ketujuh dalam upacara penuh adat istiadat di Istana Arau, di sini.

Tengku Syarif Bendahara Perlis selaku Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Perlis, memasyhurkan pertabalan itu di hadapan wakil-wakil raja dan sultan serta pembesar negara, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Baginda yang dilantik sebagai Raja Perlis pada 17 April tahun lalu, mengucup keris kebesaran menandakan restu baginda terhadap pertabalan yang penuh adat istiadat itu.

Seruan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali yang diketuai Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, bergema di ruang Balai Rong Seri dan serentak itu tembakan meriam 21 das dilepaskan.

Tuanku Syed Sirajuddin yang akan genap usia 58 tahun pada 16 Mei ini, adalah Raja Perlis pertama yang ditabalkan selepas negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Sebaik ditabalkan, Tuanku Syed Sirajuddin kemudian menabalkan isterinya, Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid, sebagai Raja Perempuan Perlis.

Upacara pertabalan bermula kira-kira jam 9.30 pagi dengan pemeriksaan kawalan kehormatan yang dianggotai tiga pegawai dan 103 anggota Batalion Keempat Rejimen Renjer Diraja, Oran.

Enam gajah mendahului perarakan sejauh kira-kira satu kilometer bersama hulubalang membawa alat kebesaran diraja, naskhah al-Quran, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis dan Keris Kerajaan untuk dipersembahkan kepada Raja Perlis di Balai Rong Seri.

Penduduk membanjiri kiri kanan jalan dari Sekolah Menengah Arau ke Istana Arau sejak jam 8 pagi bagi menyaksikan perarakan alat kebesaran dan upacara bersejarah yang kali pertama diadakan selepas 52 tahun.

Tuanku Syed Sirajuddin yang dilahirkan di Arau pada 17 Mei 1943, adalah anak kedua daripada Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Besar Perlis, Tuanku Budriah.

(END)